

Helah penyamaran bot Vietnam dibongkar

Jm 17/11/2022 M.S : 4

Kuala Terengganu: Helah nelayan Vietnam menggunakan nombor pendaftaran tempatan bagi mengelirukan pihak berkuasa gagal apabila ditahan lebih kurang 59 batu nautika dari daerah ini, kelmarin.

Dua bot bersama 21 kru termasuk tekong itu ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) ketika menjalankan aktiviti tunda ganding sekitar jam 8.15 malam.

Pengarah APMM Terengganu, Kepten Maritim Mohd Khairulanuar Majid@Razali berkata, penahanan dua bot itu hasil rondaan operasi penguatkuasaan bersepadu Op Naga Barat dan Op Khas Kuda Laut di perairan Terengganu.

Menurutnya, ketika ditahan, kedua bot sedang melakukan aktiviti tunda ganding yang mana hasil periksaan mendapati sebuah daripada bot terbabit



SEBANYAK dua bot bersama 21 kru termasuk tekong ditahan.

menggunakan nombor pendaftaran tempatan.

"Pemeriksaan lanjut mendapati nombor pendaftaran yang digunakan sudah tamat tempoh pada 2017 selain nelayan berusia 19 hingga 45 tahun itu gagal menunjuk-

kan pengenalan diri yang sah.

"Semua kru tidak sempat melarikan diri kerana sedang melakukan aktiviti tunda ganding," katanya pada sidang media di pejabat APMM di sini, semalam.

Mohd Khairulanuar berkata, semua kru ditahan dan dibawa ke jeti APMM negeri untuk tindakan lanjut selain turut merampas peralatan menangkap ikan dan bekalan diesel dengan nilai rampasan sekitar RM3 juta.